

Jho Low rujuk Najib sebagai 'bos'

Ahli perniagaan dilantik secara rasmi dalam Jawatankuasa Pemandu, TIA

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ahli perniagaan Low Taek Jho atau Jho Low akrab dengan Datuk Seri Najib Razak dan merujuk bekas Perdana Menteri itu sebagai 'bos' atau 'PM' ketika mengemukakan cadangan pada mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA).

TIA adalah syarikat pelaburan strategik bagi pembangunan Terengganu yang kemudian dinamakan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) selepas diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Bekas Pengarah Bukan Eksekutif 1MDB, Tan Sri Ismee Ismail, dalam keterangannya di Mahkamah Tinggi semalam, berkata Jho Low dilihat sebagai pe-

nasihat kepada Najib ketika berada dalam jawatankuasa itu.

Ismee berkata, Jho Low hanya dilantik secara rasmi dalam Jawatankuasa Pemandu dan TIA dan tiada cadangan melantiknya dalam 1MDB.

"Jho Low masih berada di sebalik tabir 1MDB kerana saya dan Ahli Lembaga Pengarah (BOD) lain selalu menerima e-mel daripada beliau mengandungi cadangan kepada BOD dan pihak pengurusan mengenai pelaburan dan pembangunan oleh 1MDB.

"Saya tidak tahu kapasiti Jho Low dan tahap pembabitannya dalam 1MDB, tetapi saya dan BOD tahu hubungannya sangat baik dengan Najib.,

"Disebabkan itu, BOD tidak mengabaikan cadangan Jho Low, tetapi dalam BOD setiap perkara mesti melalui arahan betul dan mengikut prosedur," katanya.

Ismee berkata demikian ketika membacakan pernyataan saksi dalam prosiding perbicaraan terhadap Najib yang berdepan empat tuduhan menyalahgunakan kedudukan untuk memperoleh rasuah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 tuduhan penguasaan wang haram membabit-

kan jumlah sama.

Ketika Ismee menyertai lawatan rasmi Najib ke Abu Dhabi, Jho Low turut berada di sana dan bergaul rapat dengan delegasi negara berkenaan.

Ismee berkata, Jho Low pernah membantu dapatkan kuota tambahan 10,000 jemaah haji Malaysia.

Saksi pendakwa ke-13 itu berkenalan dengan Jho Low ketika majlis pelantikan Jawatankuasa Pemandu TIA di Istana Terengganu pada awal 2009, dengan ahli perniagaan itu memperkenalkan diri secara santai.

"Saya tidak tahu kapasiti Jho Low hadir, tetapi beranggapan beliau adalah penasihat kepada Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin," katanya.

Ismee berkata, BOD dimaklumkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, transaksi wang AS\$700 juta daripada 1MDB dipindahkan ke akaun Good Star Limited yang juga anak syarikat kepada PetroSaudi

International Limited (PSI).

Katanya, BOD menyanggah tindakan pengurusan memindahkan wang berkenaan tanpa persetujuan BOD dan kecewa kerana arahan itu tidak diendah.

"Tiada BOD yang tahu wang berkenaan dibayar 1MDB ke akaun syarikat Good Star milik Jho Low, walaupun pengurusan perlu mendapatkan kelulusan BOD kerana ia membabitkan impak kewangan kepada 1MDB.

"Pengerusi 1MDB (ketika itu), Tan Sri Mohd Bakke Salleh, mengarahkan Shahrol Azral berjumpa pihak PSI di London untuk berbincang dan membawa balik wang yang dipindahkan.

"Dalam mesyuarat itu, Bakke sangat marah kerana perjanjian usaha sama antara 1MDB dan PSI tidak seperti diluluskan BOD.

"Malah, beberapa perkara tambahan dalam perjanjian itu kelihatan tidak betul dan ada beberapa perkara tersembunyi," katanya.



Ismee Ismail

BH - 18/11/2021

m/s: 18

Mahkamah turut diberitahu, Najib mempersoalkan tindakan saksi dan Shahrol Azral menandatangani resolusi berhubung penangguhan terbitan bon Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) berjumlah RM5 bilion oleh TIA pada 22 Mei 2009.

Menurut Ismee, mereka bersetuju menandatangani resolusi itu selepas Sultan Mizan memaklumkan mahu menangguhkan IMTN berkenaan.

Selepas menandatangani dokumen terbabit, Ismee berkata, mereka berjumpa Najib di rumahnya di Jalan Langgak Duta dan menjelaskan apa berlaku ketika pertemuan di Istana Terengganu.

Katanya, reaksi pertama Najib ialah *why did you sign it* (mengapa kamu menandatangani) dan mengapa mereka tidak memohon masa kepada Tuanku untuk berfikir.

"Saya cuma katakan kepada Najib, ia titah Tuanku. Dengan reaksi dan intonasi suara Najib, beliau mahu terbitan bon IMTN itu diteruskan," katanya.

Prosiding di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Collin Lawrence Sequerah, bersambung hari ini.